



Berita@UTeM

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

KANDUNGAN

IJAZAH KEHORMAT HARGAI JASA
TUN MAHATHIR DAN TUN SITI HASMAH

SEKITAR MAJLIS KONVOKESYEN KE-5 UTeM

MAJLIS MAKAN MALAM KONVOKESYEN KE-5 UTeM

MAJLIS PERASMIAN PESTA KONVO KE-5
BERLANGSUNG MERIAH

PECIPTA 2009: PENYELIDIK UTeM TERUS UNGGUL

LED-ARMS KE PERINGKAT AKHIR
ANUGERAH INOVASI NEGARA (AIN)

UTeM JALIN KERJASAMA DENGAN INDUSTRI

LOTUS ENGINEERING
SEDIA BEKERJASAMA DENGAN UTeM

SEKALUNG TAHNIAH KEPADA PENERIMA
ANUGERAH SEMPERA HARI JADI TYT YANG KE-71

UTeM TUAN RUMAH PERHIMPUNAN BULANAN
KERAJAAN NEGERI MELAKA

MAJLIS IFTAR BERSAMA
TYT TUN CANSELOR UTeM 1430H

PUSPANITA UTeM RAIKAN PELAJAR
SEKOLAH TAHFIZ AS-SOLIHIN MERLIMAU

PELAJAR ANTARABANGSA UTeM RASAI
PENGALAMAN MENGACAU DODOL

BERITA KELAHIRAN & PERKAHWINAN

JAMUAN HARI RAYA KOR SUKSIS:
JURULATIH PAMERKAN KEMAHIRAN MEMASAK

MAJLIS SAMBUTAN IDULFITRI 1430H

EDITOR BERITA@UTeM

KETUA EDITOR :
PROF. MADYA MOHD RAHIMI BIN YUSOFF

PENOLONG KETUA EDITOR :
FARADILA BINTI MD. YUSOF

WARTAWAN :
RUZAIMAN BIN ABDUL RAHMAN
BOB FAIZELI BIN MOHAMED DIN

GRAFIK & REKALETAK :
AZIZA BINTI MD BUANG
SURIA BINTI ABDUL RAHMAN

JURUFOTO :
MD. NURUL
NURUL
MOHD

PENGALAMAN :
AL RO

URUSAN :
AZLINA
azlina

LG
173
.M44
.B47
2009
a
Sept-Oct



Ijazah Kehormat HARGAI JASA TUN MAHATHIR & TUN SITI HASMAH

3 Oktober 2009 : Majlis Konvokesyen UTeM ke-5 mencatatkan sejarah tersendiri dengan penganugerahan Ijazah Kehormat kepada mantan Perdana Menteri dan isteri. Majlis yang berlangsung buat pertama kalinya di Dewan Besar UTeM menyaksikan Tuan Yang Terutama Datuk Seri Utama Mohd Khalil Bin Yaakob, Canselor UTeM menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Pembangunan dan Pengurusan Teknologi kepada Tun Dr. Mahathir bin Mohamad manakala Tun Dr. Siti Hasmah Mohd Ali dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Pembangunan Komuniti.

Penganugerahan Ijazah Kehormat kepada kedua-dua tokoh ini adalah sebagai menghargai sumbangan yang tidak ternilai kepada pembangunan negara lebih-lebih lagi dalam bidang teknologi sepanjang pentadbiran Tun Mahathir selama lebih 22 tahun.

bersambung di muka surat 03

sekitar **Majlis**
KONVOKESYEN
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA KE-5
3-4 Oktober 2009 . Dewan Besar, UTeM

Tanggal 3 dan 4 Oktober 2009 merupakan tarikh keramat yang akan kekal tercatat di dalam lembaran sejarah UTeM. Buat pertama kalinya, Majlis Konvokesyen Ke-5 diadakan dengan penuh gilang gemilang di Dewan Besar, Kampus Induk UTeM di Durian Tunggal Melaka. Dewan Besar ini telah siap dibina seurus sebelum berlangsungnya majlis konvokesyen ke-5 ini.

Sempena majlis konvokesyen kali ini seramai 1,591 orang graduan telah menerima ijazah dan diploma masing-masing. Mereka terdiri daripada 230 orang penerima diploma, 1336 orang penerima ijazah sarjana muda, 22 orang penerima ijazah sarjana dan tiga orang penerima ijazah doktor falsafah.

Konvokesyen kali ini telah dibahagikan kepada tiga sesi iaitu pada 3 Oktober 2009 sebanyak dua sesi manakala satu lagi sesi pada 4 Oktober 2009. Bagi mengiktiraf kejayaan para graduan yang cemerlang, turut diberikan Hadiah Akademik kepada 33 orang graduan yang meliputi Anugerah Pelajaran Diraja, Hadiah Canselor, Hadiah Naib Canselor dan Hadiah Industri. Salah seorang penerima Anugerah Pelajaran Diraja, Azira Abd Rahman telah diberikan penghormatan bagi mewakili semua graduan untuk menyampaikan ucapan.



Tun Canselor UTeM, Tuan Yang Terutama Tun Datuk seri Mohd Khalil bin Yaakob dalam ucapannya mengucapkan tahniah kepada semua graduan yang telah menamatkan pengajian dengan jayanya. Beliau berharap agar segala ilmu yang diperoleh akan dapat dimanfaatkan demi pembangunan agama, bangsa dan negara.

Menurut beliau lagi, kehidupan para graduan juga kini telah berubah daripada bergelar pelajar kepada modal insan yang akan membangun negara. Beliau berkata kini sudah tiba masanya para graduan memainkan peranan dalam pembangunan negara untuk kemajuan masyarakat di samping menyumbang di dalam pembangunan industri.

Seluruh Kampus Durian Tunggal dibanjiri dengan kehadiran para graduan serta pengunjung dari serata negara yang tidak mahu melepaskan peluang menghadiri majlis yang amat bermakna ini. Turut dirakamkan ucapan syabas kepada pengurusan dan petugas yang berpenat lelah bagi memastikan majlis ini berjalan lancar.



LG173.M44 .B47 2009 Sept-Oct



87516170

sambungan dari muka surat 01

Ketika menyampaikan ucapan, Tun Mahathir menyeru semua graduan agar menguasai teknologi bagi merapatkan jurang perbezaan dengan negara maju. Menurut Tun Mahathir, negara kita masih lagi bergantung harap dengan kepakaran teknologi luar dan kebanyakan industri dikuasai oleh orang asing hingga ke hari ini. Tun Mahathir kemudiannya berkongsi pengalaman beliau melawat kilang-kilang di luar negara yang mengaplikasikan teknologi tinggi dalam bidang pembuatan.

Berita@UTeM mewakili seluruh warga universiti mengucapkan tahniah kepada Tun Mahathir dan Tun Siti Hasmah di atas penganugerahan Ijazah Kehormat ini dan sentiasa mendoakan kebahagiaan dan kesejahteraan mereka berdua.



Majlis Makan Malam KONVOKESYEN KE-5 UTeM

2 Oktober 2009 : Tun Canselor UTeM, Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil bin Yaakub telah sudi meluangkan masa untuk menghadiri Majlis Makan Malam Sempen Majlis Konvokesyen Ke-5 UTeM yang diadakan di Bunga Raya Ballroom, Hotel Renaissance Melaka. Turut mengiringi, isteri beliau Toh Puan Datuk Seri Utama Dato' Zurina binti Kassim.

Majlis ini juga turut dihadiri oleh penerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah bagi majlis konvokesyen ini iaitu mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir bin Mohamad serta Tun Dr. Siti Hasmah Mohd Ali. Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali bin Rustam serta isteri juga turut hadir bagi memeriahkan majlis yang bersejarah ini. Selain itu Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Dato' Dr. Taib bin Hashim dan Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan juga hadir selaku tuan rumah.

Majlis makan malam ini diadakan bertujuan untuk meraikan kecemerlangan UTeM yang sekali lagi akan mengadakan Majlis Konvokesyen buat kali yang kelima dengan bilangan graduan seramai 1591 orang. Walaupun berusia kurang daripada 10 tahun, berkat usaha gigih semua warganya, UTeM kini semakin berbangga dengan bilangan graduan dihasilkan yang meningkat tahun demi tahun.

Acara makan malam dimulakan dengan bacaan doa dan ucapan oleh Dato' Dr. Mohd Taib bin Hashim. Ia disusuli dengan majlis jamuan makan dan gimik perasmian yang unik dihasilkan oleh para penyeldik dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) serta persembahan mini orkestra oleh para pemain muzik muda dari Kolej Yayasan Saad. Majlis makan malam ini turut diserikan dengan kehadiran Zakiah Anas sebagai pengacara pada majlis tersebut.

Majlis Perasmian PESTA KONVO KE-5 berlangsung **MERIAH**

2 Oktober 2009 : Pesta Konvo ke-5 yang telah dirasmikan dengan penuh warna-warni adalah terjemahan kepada kesungguhan seluruh warga UTeM meraikan kejayaan para graduan di samping merasai suasana sebenar Majlis Konvokesyen di kampus induk yang baru ini.

Majlis Perasmian Pesta Konvo ke-5 telah disempurnakan oleh Y. Bhg. Tan Sri Datuk Dr. Johari bin Mat, Pro Canselor UTeM disaksikan oleh Y. Bhg. Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Bin Hassan, Naib Canselor UTeM dan Prof. Dr. Hj. Zolkepli Bin Buang, Dekan HEPA. Turut hadir menyaksikan majlis bersejarah ini ialah Y. Bhg. Dato' Dr. Mohd Taib Bin Hashim, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti.

Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusof semasa berucap melahirkan rasa bangga di atas komitmen yang telah ditunjukkan oleh semua yang terlibat untuk menjayakan majlis yang penting seperti ini. Perancangan awal yang dirangka berbulan-bulan sebelum majlis bermula, kini mula menampilkan hasil. Malah, menurut beliau lagi, tema yang dipilih pada tahun ini iaitu 'Akademik, Kemasyarakatan dan Kebudayaan' adalah bertepatan dengan hasrat kerajaan untuk membentuk rakyat yang berbilang kaum melalui pemupukan nilai-nilai murni.

Selepas upacara perasmian disempurnakan, para hadirin dibawa melawat ke tapak gerai dan pameran di tapak Pesta Konvo. Setiap fakulti yang mengambil bahagian tidak ketinggalan mempamerkan hasil penyelidikan dan kemudahan yang terdapat di makmal masing-masing. Antara yang dipamerkan adalah seperti kereta lumba Formula Varsity, demonstrasi robot dan beberapa produk yang telah dikomersialkan.

Pesta Konvo ke-5 berlangsung dari 2 hingga 4 Oktober 2009 dengan pelbagai aktiviti menarik untuk setiap lapisan masyarakat. Selain daripada gerai jualan, Pesta Konvo pada tahun ini turut dihangatkan lagi dengan Pertandingan Bintang UTeM, Auto Show, Pameran Motorsikal Klasik, Forum Perdana serta aktiviti lasak seperti Eco-Challenge.





10 Oktober 2009 : Pusat konvensyen Kuala Lumpur sekali lagi menyaksikan detik bersejarah pencapaian cemerlang penyelidik UTeM di Persidangan dan Ekspo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa (PECIPTA 2009) yang berlangsung dari 8 hingga 10 Oktober. Persidangan dan ekspo ini telah dirasmikan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohd Khaled Nordin.

Tradisi kecemerlangan penyelidikan UTeM diteruskan apabila projek penyelidikan bertajuk 'Line Tracking and Obstacles Avoidance For Automated Guided Vehicles Using A USB Camera' telah merangkul pingat emas. Selain itu UTeM turut merangkul tiga pingat perak dan tiga pingat gangsa melalui projek penyelidikan yang dihasilkan oleh para penyelidik UTeM.

Penyertaan UTeM ke PECIPTA 2009 dikendalikan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (Centre for Research and Innovation Management - CRIM) yang mana 16 projek telah dihantar untuk dipertandingkan. Lebih membanggakan apabila 'Fire Fighting Machine' yang telah memenangi pingat emas di ITEX 09 dipilih untuk dipamerkan di galeri utama.

pecipta 2009

PENYELIDIK UTeM TERUS UNGGUL



Turut hadir memberi sokongan padu kepada para penyelidik UTeM ialah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Datuk Prof. Madya Dr. Abu Bakar Bin Mohamad Diah. Kehadiran beliau telah membakar semangat para penyelidik untuk memberikan persembahan yang terbaik sepanjang PECIPTA 2009.

Seluruh warga UTeM mengucapkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada pemenang-pemenang pingat yang telah menaikkan nama UTeM sebaris dengan universiti-universiti lain yang tersohor di rantau ini.

LED-ARMS


KE PERINGKAT AKHIR ANUGERAH INOVASI NEGARA (AIN)

Pertandingan akhir Anugerah Inovasi Negara (AIN) yang bakal berlangsung di PWTC Kuala Lumpur pada 29-31 Oktober ini bakal menyaksikan penyertaan Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE), Muhammad Herman Jamaluddin melalui hasil penyelidikan 'LED Automated Remote Messaging System' atau lebih dikenali sebagai LED-ARMS.

Produk yang menjadi kebanggaan UTeM ini telah mendapat perhatian Melaka ICT Holding Sdn. Bhd. (MICTH) menerusi program pengkomersilan agensi tersebut. Mohd Herman menjelaskan, produk inovasi ini dikawal berteraskan kepada aplikasi Sistem Pesanan Ringkas (SMS). Mesej atau berita yang hendak disampaikan hanya perlu dihantar melalui SMS dan akan dipaparkan pada papan LED.

Kecemerlangan produk ini turut mendapat perhatian banyak pihak apabila telah merangkul beberapa pingat di beberapa pertandingan di dalam dan di luar negara. Lebih membanggakan apabila produk ini telah digunakan secara meluas di beberapa tempat di dalam Melaka seperti di Menara MICTH, lobi FKE UTeM dan beberapa tempat di Kepulauan Batam, Indonesia.

Seluruh warga UTeM sentiasa mendoakan agar hasil penyelidikan ini memenangi peringkat akhir Anugerah Inovasi Negara (AIN) dan seterusnya menjulang nama UTeM ke peringkat yang lebih tinggi.




Wawancara NC di MelakaFM



Lawatan CEO MICTH Ke Pejabat TNC P&I

Team Robogames 2009 FKE



Program Kembara Muhibbah, Kompleks Anak-anak Yatim Fatimah Az-Zahrah

FOKUS LENS



Lawatan ke Media Melaka



Temubual NC di Selamat Pagi Malaysia, RTM



Executive Talk

Temubual Dekan HEPA di SPM, RTM1

FOKUS LENS



Malam Kebudayaan 1 Malaysia



Sidang Media Sempena Konvokesyen ke-5

UTeM jalin kerjasama dengan **INDUSTRI**



9 Oktober 2009 : Usaha untuk menjalinkan hubungan erat di dalam bidang R&D antara universiti dan industri semakin menampakkan hasil apabila UTeM menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan enam syarikat yang memiliki kepakaran dalam bidang robotik dan automasi industri, pembangunan mesin, bidang telekomunikasi dan kejuruteraan komputer.

Enam syarikat berkenaan adalah KUKA Robot Automation, Robomatics (S.E.A) Sdn. Bhd., MRJ Technologies Sdn. Bhd., Ritz Power Mechanics Sdn. Bhd., Orionplex Sdn. Bhd. dan Significant Technologies Sdn. Bhd.

Y.Bhg. Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Bin Hassan, Naib Canselor UTeM semasa dalam ucapannya menyatakan KUKA Robot Automation, Robomatics (S.E.A) Sdn. Bhd. dan MRJ Technologies Sdn. Bhd. akan bekerjasama dengan Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) dalam bidang robotik dan automasi industri.

Sementara itu, Ritz Power Mechanics Sdn. Bhd. akan bergandingan dengan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) bagi penyelidikan dan pembangunan rekabentuk mesin, manakala Orionplex Sdn. Bhd. dan Significant Technologies akan berkongsi kepakaran dalam bidang telekomunikasi.

Majlis menandatangani MoU ini telah disempurnakan oleh Y.Bhg. Naib Canselor serta Pengarah keenam-enam syarikat berkenaan. Turut hadir menyaksikan majlis yang penuh bermakna ini ialah Y.Bhg. Dato' Dr. Mohd Taib Bin Hashim, Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM.



LOTUS engineering SEDIA BEKERJASAMA DENGAN UTeM

Jenama Lotus sememangnya memiliki kelas yang tersendiri dalam arena permotoran. Terkenal dengan gaya 'sporty' dan enjin berprestasi tinggi, tidak hairanlah kereta Lotus menjadi kegunaan ramai penggemar automotif di seluruh dunia.

Baru-baru ini pelajar di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) berpeluang mendengar sendiri ceramah teknikal yang disampaikan oleh Ketua Kejuruteraan Powertrain Lotus Engineering, Andrew Nicholson. Ceramah bertajuk 'Sustainable Methanol As A Pragmatic Alternative To The Molecular Hydrogen Economy' nyata memberikan pendedahan yang lebih mendalam kepada kumpulan pelajar yang hadir pada hari itu.

Selepas menyampaikan ceramah, kumpulan pelawat Lotus Engineering kemudiannya mengadakan perbincangan dengan Datuk Prof. Madya Dr. Abu Bakar Bin Mohamad Diah, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi). Perbincangan berkisar kepada projek-projek penyelidikan UTeM yang berkaitan dengan automotif. Turut hadir sewaktu perbincangan berlangsung ialah Prof. Dr. Md Razali Bin Ayob, Dekan FKM, Pengurus Bahagian Perniagaan ASEAN Lotus, Stuart Korrow dan Ketua Bahagian Perniagaan Lotus, Karlde Souza.

Hasil perbincangan pada hari itu menunjukkan reaksi positif daripada Lotus Engineering. Pada dasarnya mereka amat tertarik terhadap penyelidikan yang dilakukan oleh penyelidik di FKM yang berfokuskan kepada kejuruteraan automotif. Para delegasi Lotus Engineering turut melahirkan kesediaan untuk bekerjasama dengan penyelidik UTeM pada masa akan datang.

Sekalung Tahniah

kepada

PENERIMA ANUGERAH SEMPENA HARI JADI TYT YANG KE-71

9 Oktober 2009 : Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada Y.Bhg. Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan di atas penganugerahan Darjah Mulia Seri Melaka (D.M.S.M) yang membawa gelaran Datuk, bersempena Hari Jadi yang ke-71 Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil Bin Yaakob, Yang Di-Pertua Negeri Melaka baru-baru ini.

Ucapan tahniah ini turut dipanjangkan kepada penerima-penerima berikut yang terdiri daripada warga UTeM.



Prof. Dr. Hj. Mohd Taib Bin Hj. Dora
BINTANG CEMERLANG MELAKA



Puan Hj. Noraida Binti Attan
BINTANG CEMERLANG MELAKA



Encik Khairul Bin Taib
BINTANG KHIDMAT TERPUJI



Prof. Madya Dr. Hanipah Binti Hussin
BINTANG KHIDMAT TERPUJI



Encik Mohd Marwan Bin Abu Kasim
BINTANG KHIDMAT TERPUJI



PERHIMPUNAN BULANAN

PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI MELAKA


BIL 9/2009

7 September 2009 : Perhimpunan Bulanan Kerajaan Negeri Melaka Bil. 9/2009 telah berlangsung di Dataran Seri Negeri, Ayer Keroh. UTeM diberi kepercayaan oleh Kerajaan Negeri untuk menjadi tuan rumah pada perhimpunan bulan ini.

Ketibaan Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Bin Rustam telah disambut oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Dato' Prof. Dr. Mohd Nor Bin Husain bersama para Pegawai Kanan Kerajaan Negeri Melaka.

Ucapan Ketua Menteri pada pagi itu menumpukan terhadap komitmen Kerajaan Negeri untuk menjadikan Melaka sebagai hub kecemerlangan akademik dan seterusnya membantu pertumbuhan ekonomi negeri. Beliau turut menyarankan agar semua IPT termasuklah UTeM meningkatkan usaha ke arah pengantarabangsaan bagi menarik lebih ramai pelajar asing belajar di negeri ini.

Dalam majlis yang sama, Dato' Prof. Dr. Mohd Nor telah menyerahkan sumbangan bernilai RM1,553.00 kepada Kerajaan Negeri bagi mengisi dana Tabung Pahlawan RM1, 1Melaka. Majlis penyerahan itu turut disaksikan oleh kira-kira 500 pegawai dan kakitangan Agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan. Cenderahati UTeM juga diberikan kepada semua yang hadir pada pagi itu.



Majlis Iftar

bersama
TYT TUN CANCELOR UTeM 1430H

15 September 2009 : Majlis Iftar Bersama Tun Canselor UTeM, Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil bin Yaakob telah berlangsung di Masjid Al-Alami di Ayer Keroh. Turut hadir pada majlis ini ialah Pro Canselor UTeM, Tan Sri Datuk Dr. Johari bin Mat, Ahli-ahli Lembaga Pengarah, Naib Canselor, Pegawai-pegawai Kanan Universiti serta warga UTeM dan masyarakat setempat.

Majlis tahunan yang dianjurkan oleh Pusat Islam adalah bertujuan mengukuhkan lagi ukhuwah warga UTeM dan memberi peluang untuk beramah mesra dengan Tun Canselor yang dikasihi. Di kesempatan ini juga turut digunakan oleh warga UTeM berkongsi kesusahan yang dialami oleh masyarakat setempat seperti ibu tunggal, fakir miskin dan anak-anak yatim dengan menyampaikan sumbangan sempena sambutan Aidilfitri.

Pada majlis ini, Tun Canselor UTeM telah menyampaikan sumbangan kepada 83 orang terdiri daripada ibu-ibu tunggal, anak-anak yatim, golongan berpendapatan rendah, saudara-saudara baru dan golongan orang kurang upaya (OKU) sekitar Melaka. Pada tahun ini Permodalan Nasional Berhad (PNS) telah menyumbangkan sebanyak RM 5,000 kepada UTeM untuk diagihkan kepada penerima yang layak. Jumlah keseluruhan sumbangan yang berjaya dikutip pada tahun ini adalah sebanyak RM 28,235 hasil kutipan daripada warga UTeM, Badan Kebajikan Staf UTeM (BAKUTeM), Persatuan Seri Kesidang UTeM termasuk sumbangan daripada PNS.



PUSPANITA UTeM RAIKAN PELAJAR SEKOLAH TAHFIZ AS-SOLIHIN MERLIMAU

5 September 2009 : Bertempat di Perpustakaan UTeM Kampus Induk, PUSPANITA Cawangan UTeM telah meraikan kira-kira 60 pelajar Sekolah Tahfiz As-Solihin Merlimau dengan menganjurkan Majlis Berbuka Puasa.

Majlis tersebut dihadiri oleh Y.Bhg. Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Bin Hassan, Naib Canselor UTeM bersama Datin Sara Binti Ayob yang juga Pengerusi PUSPANITA Cawangan UTeM. Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Datuk Prof. Madya Dr. Abu Bakar Bin Mohamad Diah dan isteri serta beberapa Pegawai Kanan universiti.

Kegembiraan jelas terpancar di wajah pelajar sekolah tersebut apabila diraikan oleh Pegawai-pegawai Kanan universiti yang hadir. Mereka turut teruja melihat kepesatan pembangunan Kampus Induk UTeM lebih-lebih lagi bangunan Perpustakaan yang serba baru dan moden.

Di majlis ini, Y.Bhg. Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff dan Datin Sara telah menyampaikan sumbangan hari raya kepada pelajar-pelajar tersebut. Majlis berbuka puasa kemudiannya disusuli oleh solat tarawikh berjemaah.




PELAJAR ANTARABANGSA UTeM RASAI PENGALAMAN MENGACAU DODOL

12 September 2009 : Bahagian Pekerja dan Pelajar Antarabangsa (BPPA) Pejabat Ketua Menteri Melaka dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan Negeri telah menganjurkan Aktiviti Mengacau Dodol Sempena Program Cahaya Ramadhan 1430H bersama pelajar-pelajar antarabangsa di Negeri Melaka.

Objektif majlis ini diadakan adalah untuk merapatkan hubungan di antara Kerajaan Negeri dengan pelajar-pelajar antarabangsa yang menuntut di IPT Negeri Melaka sebagai usaha dan mekanisme memperingkatkan lagi sektor pendidikan menerusi edu-tourism. Ia juga menjadi platform bagi pelajar-pelajar antarabangsa mengenali dan mempelajari budaya masyarakat setempat di negeri ini melalui aktiviti yang diadakan.

Seramai 30 orang pelajar antarabangsa UTeM menghadiri majlis tersebut yang mana terdiri daripada pelajar-pelajar Indonesia, Iraq dan Jordan. Hadir sama pada majlis ini ialah Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Bin Rustam. Selain aktiviti mengacau dodol, mereka turut berpeluang makan malam bersama masyarakat kampung di samping aktiviti menganyam ketupat.



Tahniah

Kelahiran

Nama Staf : Bob Faizeli Mohamed Din (BPAK Canselori)
Nama Anak : Muhammad `Akif Bin Bob Faizeli
Tarikh Lahir : 6 September 2009

Nama Staf : Mohd Farriz bin Hj. Md. Basar (FKE)
Nama Anak : Lailatul Aissar binti Mohd Farriz
Tarikh Lahir : 12 September 2009

Nama Staf : Anis Niza binti Ramani (FKE)
dan Suami Kyairul Azmi bin Baharin (FKE)
Nama Anak : Khayra Amani binti Kyairul Azmi
Tarikh Lahir : 14 September 2009

Nama Staf : Musa Bin Abdullah (Pjbt. Pembangunan & Pengurusan Aset)
& Maisarah Binti Abu (FKEKK)
Nama Anak : Izzat Ibrahim bin Musa
Tarikh Lahir : 28 September 2009

Nama Staf : Zainuddin bin Abdul Hamid (HEPA)
Nama Anak : Sufi Hana Dhania binti Zainuddin
Tarikh Lahir : 30 September 2009

Nama Staf : Mohd Yusri bin Jamil (FKE)
Nama Anak : Muhammad Adam Rayyan bin Mohd Yusri
Tarikh Lahir : 6 Oktober 2009

Nama Staf : Hidayat bin Zainuddin (FKE)
Nama Anak : Najah binti Hidayat
Tarikh Lahir : 14 Oktober 2009

Nama Staf : Mustafa bin Manap (FKE)
Nama Anak : Hasya Surfina binti Mustafa
Tarikh Lahir : 14 Oktober 2009


Nama Staf : Mohd Farid Bin Supangi (BPAK Canselori)
Nama Anak : Muhammad Faiz Zuhairi Bin Mohd Farid
Tarikh Lahir : 17 Oktober 2009

Nama Staf : Fazlli bin Patkar (FKE)
Nama Anak : Muhammad Zharith Fakhri bin Fazlli
Tarikh Lahir : 19 Oktober 2009

Perkahwinan

Farhan Bin Hanaffi (FKE) bersama pasangannya iaitu Siti Suhana binti Sulaiman pada **11 Oktober 2009**

Mazlan Bin Mahamod (Pejabat Pembangunan & Pengurusan Aset) bersama pasangannya Murtaza binti Razlan pada **17 Oktober 2009**



JAMUAN HARI RAYA KOR SUKSIS: JURULATIH PAMERKAN KEMAHIRAN MEMASAK

16 Oktober 2009 : Jurulatih Kor SUKSIS UTeM bukan sahaja mahir mengendalikan latihan di padang kawad, malah turut berbakat dalam bidang memasak. Kemahiran memasak para pegawai dan anggota jurulatih Kor SUKSIS UTeM dibuktikan apabila badan beruniform tersebut menganjurkan Jamuan Hari Raya Aidilfitri baru-baru ini.

Majlis jamuan pada hari itu diserikan dengan kehadiran Komandan Kor SUKSIS UTeM, Y.Bhg ACP/KS Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan dan Timbalan Komandan, SUPP/KS Dato' Prof. Dr. Mohd Nor bin Husain. Hadir sama pada majlis ini ialah SAC II Datuk Kamal Pasha Bin Jamal, Timbalan Ketua Polis Melaka.

Dengan menu istimewa daging rusa yang dimasak sendiri oleh para jurulatih, jamuan tersebut telah dihadiri kira-kira 500 orang jemputan dari pelbagai PTJ. Jamuan yang dimulakan pada 10.00 pagi hingga 5.00 petang itu turut dihadiri oleh Pegawai-pegawai Kanan dan anggota Ibu Pejabat Kontinjen (IPK) Melaka.

Majlis Sambutan

Idulfitri 1430H

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



14 Oktober 2009 : Kemeriahan sambutan Idulfitri masih jelas terasa oleh semua warga universiti yang hadir di majlis pada tahun ini. Perkarangan Dewan Besar bertukar menjadi syurga makanan apabila sebanyak 23 khemah didirikan untuk menyediakan pelbagai hidangan kepada tetamu yang hadir.

Kehadiran Canselor UTeM, Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil Yaakob bersama isteri, Toh Puan Datuk Seri Utama Dato' Zurina binti Kassim telah disambut oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM, Dato' Dr. Mohd Taib Hashim, Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan serta Pegawai-pegawai Kanan universiti. Majlis kemudiannya menyaksikan Tun Canselor memotong kek bersempena hari jadinya yang ke-71.

Setiap PTJ yang mengambil bahagian pada majlis ini mempamerkan keunikan hidangan masing-masing. Pelbagai hidangan tradisional seperti lemang, nasi himpit, ketupat, sate serta berjenis-jenis kuih muih dan minuman disediakan mengikut tema PTJ tersebut.

Tun Canselor turut tidak melepaskan peluang untuk melawat ke setiap gerai-gerai PTJ sambil menikmati hidangan yang disediakan. Sikap mesra Tun Canselor menyaksikan ramai warga UTeM mengambil kesempatan untuk bersalaman dan bergambar dengan beliau. Hampir setiap gerai mempersembahkan hidangan paling istimewa khas untuk pemimpin yang disanjung itu.

Seperti kebiasaannya, pertandingan khemah terbaik turut diadakan untuk memberi peluang kepada setiap PTJ menunjukkan kreativiti masing-masing. Dapat dilihat dengan jelas setiap PTJ bersungguh-sungguh menghias khemah dengan pelbagai peralatan perhiasan dipasang demi memburu tempat pertama.

Buat kali kedua berturut-turut, Pejabat Canselori yang bertemakan 1Malaysia telah merangkul tempat pertama khemah terbaik sekali gus membawa pulang wang tunai RM 500 beserta hamper. Tempat kedua dan ketiga masing-masing milik Perpustakaan dan Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) yang membawa pulang RM 300 dan RM 200 serta hamper.